



“SANTUNI ANAK YATIM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلْ مَا
أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَى
وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

٢٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.



Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan menuruti segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Renungilah bahawa antara ciri-ciri orang bertaqwa adalah mengasihi saudara-saudara seagama dengannya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri.

Marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada khutbah hari ini yang bertajuk "**SANTUNI ANAK YATIM**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya anak yatim adalah sangat istimewa di sisi Islam. Oleh itu, kita dilarang sama sekali mengabaikan kehidupan dan kebaikan mereka; larangan ini telah dinyatakan dalam al-Quran sehingga mereka yang mengabai dan menzalimi anak yatim dianggap sebagai pendusta agama.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ma'un ayat 1-2 :

أَرَءَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْدِينِ فَذِلِكَ
الَّذِي يَدْعُ عَلَيْتِيمَ

"Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim".

Sidang Jumaat sekalian,

Sesungguhnya usaha membantu anak yatim merupakan satu kebaikan yang terpuji. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang tiada dahan sebagai tempat berteduh dan amat dahagakan kasih sayang. Dengan menghulurkan sedekah samada berbentuk wang atau keperluan harian nescaya dapat mengurangkan



beban meneruskan kehidupan dan menimbulkaan ketenangan di hati mereka. Inilah kebanyakan sumbangan yang diberikan oleh umat Islam untuk menyantuni golongan anak-anak yatim dalam membantu mereka agar tidak terpinggir dalam masyarakat dan arus perdana.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Satu perkara yang perlu diberi perhatian dalam kita membantu golongan ini adalah agar amalan tolol menolong ini tidak dilakukan secara bermusim. Sebagai contoh, mereka hanya diberi tumpuan sepanjang bulan Ramadhan sahaja. Bantuan datang mencurah-curah sepanjang bulan ini. Dibelikan pakaian baru, dijamu berbuka puasa di hotel dengan juadah yang melazatkan dan dihulurkan wang saku bagi menyambut hari raya. Pendek kata, rumah atau pertubuhan anak yatim ini mewah sepanjang bulan Ramadhan.

Namun bila Ramadhan berlalu seakan kita melupakan mereka. Rumah anak yatim sudah jarang dikunjungi. Kebajikan mereka kita lupakan. Sedangkan mereka amat memerlukan bantuan samada dalam bentuk material atau moral. Mereka memerlukan pakaian dan peralatan sekolah bila tiba musim persekolahan bermula. Mereka memerlukan barang keperluan untuk menampung makan minum harian.

Bantuan pula bukan setakat terhenti di situ sahaja kerana pelbagai sudut lain perlu dibantu seperti menyediakan bimbingan agama, penempatan yang selesa, rawatan kesihatan terbaik, keselamatan yang terjamin. Inilah semangat tolong menolong yang perlu kita tingkatkan dalam menghargai dan menghormati anak-anak yatim.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Islam amat menitik beratkan hal ehwal kebajikan dan pengendalian harta anak-anak yatim. Ketahuilah bahawa memakan harta anak-anak yatim secara salah adalah termasuk dalam dosa-dosa besar dan mendapat seksa yang amat pedih.

Firman Allah SWT dalam surah An -Nisa' ayat 2:

وَأَتُوا الْيَتَمَّ أُمُّهُمْ وَلَا تَبْدِلُوا الْخَبِيثَ
بِالْطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا أُمُّهُمْ إِلَى أُمُّ لُكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُبًّا
كَبِيرًا

"Dan berikanlah kepada anak-anak yatim yang sudah akil baligh harta mereka, janganlah kamu menukar harta kamu yang buruk dengan harta mereka yang baik dan janganlah kamu makan dengan mengambil harta mereka dan mencampur adukkannya dengan harta kamu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah berdosa besar."

Sidang Jumaat sekalian,

Pengurus dan pengendali rumah anak yatim adalah dibenarkan untuk menggunakan dana sumbangan orang ramai untuk menjalankan operasi harian dan tidak lari dari keperluan hakiki anak-anak yatim. Menggunakan harta milik mereka dan dana sumbangan orang ramai lebih daripada keperluan peribadi adalah haram. Di sinilah perlu ditanam sifat amanah, jujur dan telus dalam menjalankan dan memastikan kebajikan anak-anak yatim sentiasa terbela.

Firman Allah Taala dalam surah An Nisa ayat 10:



إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا^ص
يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلُوْنَ سَعِيرًا

"Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala".

Kita tidak mahu lagi mendengar anak-anak yatim dieksplotasi sebagai bahan simpati bagi memohon derma dari orang ramai. Kedapatan juga yang menggunakan alasan sebagai latihan amali perniagaan dengan menjual barang untuk keperluan markaz anak yatim mereka. Ini sesungguhnya memberi gambaran yang tidak baik kepada mereka di kala mereka sepatutnya dilayan dan dicurahkan kasih sayang sebagai pengganti kepada ayah dan ibu yang telah tiada.

Umat Islam hendaklah memainkan peranan membentras jenayah memperdagang anak yatim ini dengan tidak menghulurkan sumbangan kepada mereka yang berniat negatif di sebalik tabir anak yatim. Kita seharusnya hanya menghulurkan sumbangan seperti wang kepada rumah anak yatim yang berdaftar dan diiktiraf oleh pihak berkuasa sahaja. Apabila kita berhati-hati menghulurkan derma dan memboikot aktiviti eksplotasi ini sudah tentu kegiatan seperti ini dapat dibentras. Adalah dibimbangi tujuan murni dan ikhlas kita untuk membantu mereka tidak sampai kepada sasaran yang sepatutnya dan ia menjadi satu perbuatan sia-sia tanpa kita sedari.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Menyantuni anak yatim bukan sekadar dalam bentuk wang. Sumbangan tenaga dalam memastikan mereka tidak tercicir dalam pelajaran juga amat dialu-alukan. Malah kita mempunyai kemampuan dan kepakaran sebagai guru matematik, maka adakanlah kelas-kelas tuisyen kepada mereka. Jika kita seorang yang pakar motivasi, maka suburkanlah kembali semangat mereka untuk meneruskan kehidupan walaupun ketiadaan ayah dan ibu. Mudah-mudahan sikap prihatin dan penyayang yang dicurahkan kepada mereka itu boleh menjadi ubat untuk melupakan kesedihan kehilangan ayah dan ibu.

Sesungguhnya amat beruntunglah bagi mereka yang mengasihi dan menyayangi anak-anak yatim.

Oleh itu, marilah sama-sama kita bertekad dan beristiqamah dalam membantu anak-anak yatim ini. Hulurkan sumbangan dalam bentuk material, spiritual dan tenaga tanpa mengira bulan, hari dan waktu tertentu. Mudah-mudahan ia menjadi bekalan kita apabila menghadap Allah SWT di akhirat kelak.

Justeru, berdasarkan kepada tajuk khutbah hari ini, maka:

1. Kita hendaklah sentiasa membantu anak-anak yatim tanpa mengira tenaga, wang ringgit, masa dan waktu-waktu tertentu.
2. Sebagai pengurus dan pengendali pusat-pusat anak yatim, kita hendaklah berhati-hati menguruskan harta milik anak-anak yatim dengan telus dan penuh amanah.
3. Sebagai pengurus, pengendali dan penjaga anak-anak yatim, kita hendaklah berhati-hati dan tidak mengambil kesempatan seolah-olah menangguk di air keruh dengan mengeksplorasi anak-anak yatim untuk keuntungan diri sendiri.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتَمِ إِلَّا بِالْمِسْكِنِ
يَعْلَمَ أَشْدَهُ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولاً



"Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya".

(al-Isra' : 34).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjadikan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ كَفَرُوا أَمْنُوا صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul **
16.04.2015